




Headline: Pesara kerajaan pula jadi mangsa
Publication/Portal: Utusan Malaysia
Date: 7 September 2020

Language: Malay
Section: Dalam Negeri
Page: 32



Pesara kerajaan pula jadi mangsa

BUTTERWORTH: Sindiket Macau Scam terus memperdaya orang ramai yang mana kali ini seorang pesara agensi kerajaan di sini menjadi mangsa melibatkan kerugian sebanyak RM40,000.

Mangsa lelaki berusia 60-an itu pada mulanya dihubungi seorang suspek wanita yang mengaku sebagai pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan mendakwa dia terabit dalam kes pengubahan wang haram.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Utara (SPU), Asisten Komisioner Noorzainy Mohd. Noor (**gambar**) berkata, panggilan itu kemudian disambung ke Ibu pejabat Polis Daerah Kota Bharu dan seorang individu bernama 'Sarjan Fauzi' memaklumkan suspek yang terlibat dalam kes itu sudah ditahan.

"Mangsa diminta untuk bekerjasama dan dinasihatkan tidak memaklumkan mengenai kes itu kepada sesiapa kerana masih dalam siasatan.

"Mangsa tanpa berfikir panjang turut membuat pemindahan wang melalui mesin pengeluaran automatik (ATM) ke akaun bank yang diberikan suspek sebanyak dua kali berjumlah RM40,000.

"Mangsa turut dimaklumkan bahawa wang terbabit akan dipindahkan ke Jabatan Audit Negara bagi tujuan siasatan," katanya kepada pemberita di sini semalam.

Menurut beliau, mangsa yang berasa tertipu membuat laporan polis dan kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.